



**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH**  
**ABDULLAH**  
**PRESIDEN ANGKASA MERANGKAP**  
**PRESIDEN ASEAN CO-OPERATIVE**  
**ORGANIZATION (ACO)**

**MAJLIS IHYA RAMADAN 1445H/2024**

**29 MAC 2024 (JUMAAT)**

**9.00 PAGI**

---

Bismillahirahmanirahim

Assalamualaikum              Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Ramadan Al-

Mubarak

{SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA  
PROGRAM}

---

1. Alhamdulillah, marilah kita semua bersama merafakkan rasa syukur yang tidak terhingga kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah izin dan kurnia-

Nya pada pagi ini kita semua diberikan peluang untuk melengkapi salah satu ibadah yang dituntut dalam agama melalui program Khatam Al-Quran ANGKASA bersempena dengan Majlis Ihya Ramadan 1445H/2024M.

2. Saya berasa gembira dapat berada di sini bersama-sama dengan warga ANGKASA untuk kita sama-sama meraikan 150 peserta yang telah

terlibat dalam program tadarrus. Ianya merangkumi kakitangan di ibu pejabat dan juga ANGKASA negeri. Program tadarrus sepanjang bulan Ramadan ini merupakan anjuran bersama Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Syariah.

## **Hadirin Hadirat yang dikasihi sekalian**

**3.** Bulan Ramadan tidak hanya tentang inadah puasa, tetapi ia juga merupakan masa yang paling sesuai untuk mendalami ayat-ayat Al-Quran. Ayat demi ayat, kita diingatkan tentang kebesaran-Nya dan kasih sayang-Nya kepada kita hambaNya.

4. Al-Quran merupakan wahyu yang Allah SWT turunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui malaikat Jibril AS. Kitab ini adalah panduan setiap umat Islam yang mana pengisiannya adalah sesuai untuk setiap zaman dan generasi. Sehingga ke hari ini, Al-Quran tetap menjadi panduan dan pedoman dalam segala segala aspek kehidupan manusia.

5. Sahabat baginda Abu Zar RA pernah meminta Rasulullah SAW memberi pesanan yang berpanjangan, Rasulullah SAW bersabda:

**“Semaikanlah perasaan taqwa kepada Allah kerana ia adalah sumber kepada amalan-amalan yang baik.”**

Aku meminta supaya Baginda menambah lagi, lalu Baginda SAW bersabda, **“Tetapkanlah membaca Al-Quran kerana ia adalah nur untuk kehidupan ini dan bekalan untuk akhirat.”**

Rasulullah S.A.W. juga telah bersabda yang bermaksud:

**"Tidak berkumpul suatu kaum pada**

**mana-mana rumah Allah, mereka membaca dan bertadarus Al-Qur'an, melainkan diturunkan kepada mereka ketenangan (sakinah), diliputi rahmat, dikelilingi malaikat dan Allah menyebut mereka pada para malaikat".**

6. Khatam Al-Quran bukan sekadar satu amalan rutin tahunan, tetapi ia

merupakan satu kejayaan besar yang memerlukan ketabahan, kesabaran, dan dedikasi yang tinggi dari setiap individu yang terlibat. Melalui usaha yang gigih dan ketekunan yang dipersembahkan oleh peserta-peserta tadarrus, kita dapat melihat betapa pentingnya untuk terus memperdalam pemahaman dan penghayatan terhadap firman Allah SWT.

7. Program tadarrus tidak sekadar membantu peserta untuk menghafal dan memahami ayat-ayat suci Al-Quran, tetapi ia juga membuka peluang untuk mempererat hubungan silaturrahim di kalangan peserta dan warga ANGKASA. Semangat kebersamaan dan sokongan antara satu sama lain dalam meniti perjalanan menuntut ilmu agama

adalah satu aspek yang sangat bernilai dalam membentuk sebuah organisasi yang bersemangat dalam menegakkan nilai-nilai keagamaan.

## **Hadirin Hadirat yang dikasihi sekalian**

8. Dalam menghayati bulan Ramadan yang mulia, ANGKASA tidak lupa untuk menganjurkan pelbagai

program termasuk menyantuni mereka yang kurang bernasib baik. Beberapa program berbentuk CSR telah dan akan terus dijalankan di sepanjang bulan ini. Sebagai entiti yang memayungi gerakan koperasi, ANGKASA perlu menjadi contoh kepada Prinsip dan juga Jati Diri Koperasi yang fokus membantu masyarakat khususnya memenuhi keperluan sosioekonomi mereka.

9. Seperti tahun-tahun sebelumnya, ANGKASA pada tahun ini juga turut mengadakan Program Bubur Lambuk ANGKASA di Padang Petanque. Kepada semua kakitangan ANGKASA saya menjemput anda semua untuk turut memeriahkan program ini dan jangan lupa untuk bawa pulang bubur untuk dikongsi bersama ahli keluarga.

## **Hadirin Hadirat yang Dihormati Sekalian**

10. Sehingga di sini sahaja ucapan saya pada hari ini. Semoga Ramadan pada tahun ini membawa seribu satu makna dan keberkatan untuk kita semua. Semoga segala amal ibadah kita diterima serta mendapat keredhaan oleh Allah S.W.T.

11. Di kesempatan ini juga, memandangkan ini adalah perjumpaan terkahir secara beramai – ramai di kalangan kakitangan, saya mewakili kepimpinan ANGKASA ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidil Fitri yang akan tiba tidak lama lagi. Saya mendoakan kita semua akan terus diberikan kesihatan yang baik dalam menyambut

perayaan ini dan dapat bertemu semula selesainya Syawal ini.

12. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **MAJLIS IHYA RAMADAN 1445H/2024**.

Sekian Wabillahi taufik walhidayah,  
Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh. Terima kasih.